

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2026**

**EDARAN FORMAT BAGI PERINTAH YANG DIKELUARKAN DI BAWAH
KANUN TANAH NEGARA 1965**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai penggunaan format bagi Perintah yang dikeluarkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Bagi tujuan penyelarasan pentadbiran dan memastikan keseragaman dalam penyediaan perintah-perintah di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965, satu format Perintah telah disediakan untuk digunapakai oleh semua Pejabat Tanah dan Jajahan Negeri Kelantan.

2. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah hendaklah :
 - i. Menggunapakai format perintah yang diedarkan sebagai format asas bagi penyediaan apa-apa Perintah di bawah Kanun Tanah Negara 1965.
 - ii. Memastikan setiap Perintah yang dikeluarkan menyatakan dengan jelas peruntukan seksyen yang dirujuk termasuk butiran hakmilik, arahan yang diperintahkan serta tempoh pematuhan (sekiranya ada).
 - iii. Dibenarkan membuat pindaan atau penyesuaian terhadap kandungan format tersebut mengikut kesesuaian kes atau perintah yang dikeluarkan dan memastikan pindaan tersebut tidak bercanggah dengan peruntukan Kanun Tanah Negara.
3. Arahan ini adalah berkuat kuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan arahan ini.



.....
DATO' HAJI NIK RAISNAN BIN HAJI DAUD, *D.P.S.K, P.M.K (Kelantan)*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM. Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Pengarah Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN**

**NO. FAIL : PTG.KN.32/69 JLD. 5 (15)
BERTARIKH : 05 RAMADHAN 1447H
23 FEBRUARI 2026**



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN

PERINTAH PENTADBIR TANAH

Siasatan di bawah Seksyen - masukkan seksyen -

Di Hadapan :

- *masukkan nama* -

PENOLONG PENTADBIR TANAH - *masukkan jajahan* -

Pencatit :

- *masukkan nama* -

- *masukkan jawatan* -

Bertarikh - *masukkan tarikh* -

Pada pukul - *masukkan masa* -

KEHADIRAN :

1. Bagi pihak Pemilik Tanah: - *masukkan nama pemilik tanah* -

1.1 - *nama* -
- *no. Kad pengenalan* -
- *pekerjaan / jawatan* -

1.2 - *nama* -
- *no. Kad pengenalan* -
- *pekerjaan / jawatan* -

1.3 - *nama* -
- *no. Kad pengenalan* -
- *pekerjaan / jawatan* -

PERINTAH

SETELAH MENDENGAR keterangan yang diberikan oleh wakil-wakil Pemilik Tanah dan setelah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan, Pentadbir Tanah berpuas hati bahawa - *masukkan perkara* – (*cth - berlakunya pelanggaran*

iaitu kegagalan dalam membangun tanah sebagaimana syarat nyata yang terkandung dalam dokumen hakmilik).

MAKA dengan ini Pentadbir Tanah memutuskan sebagaimana berikut;

1. -----
2. -----

MAKA dengan ini mengisytiharkan yang demikian itu sebagaimana peruntukan - *masukkan seksyen berkaitan* - dan segala endorsan mengenainya didalam dokumen hakmilik hendaklah dimasukkan.

KELUARKAN di bawah tandatangan & meterai Pentadbir Tanah ini pada - *masukkan tarikh* - bersamaan - *masukkan tarikh* -.

.....
Pentadbir Tanah